

# MAJLIS UCAPAN, PENYERAHAN BUNGKUSAN DAN SUMBANGAN RAYA INSMAT TUDM KINRARA

 [airforce.mil.my/berita/berita-dari-pusat-latihan/5062-majlis-ucapan-penyerahan-bungkusan-dan-sumbangan-rayaraya-insmat-tudm-kinrara](http://airforce.mil.my/berita/berita-dari-pusat-latihan/5062-majlis-ucapan-penyerahan-bungkusan-dan-sumbangan-rayaraya-insmat-tudm-kinrara)

INSMAT, 30 Mei 19 - Majlis Ucapan, Penyerahan Bungkusan dan Sumbangan Raya telah disempurnakan oleh Pegawai Memerintah INSMAT TUDM Kinrara iaitu Lt Kol Omar Zai bin Abas TUDM.

Majlis ini diadakan saban tahun sebelum pegawai, staf dan pelatih pulang ke kampung halaman masing-masing untuk bercuti. Di dalam majlis tersebut Pegawai Memerintah menyampaikan bungkusan raya kepada pegawai dan anggota yang bertugas semasa cuti Hari Raya.

Pegawai Memerintah juga mengambil peluang untuk menyampaikan wang sumbangan dari Tabung Kebajikan TUDM kepada 3 orang staf INSMAT TUDM Kinrara yang mempunyai anak yang mengalami sakit kronik iaitu Sjn U Mohd Zulfitri bin Ahmad Yusop (Anak berumur 11 Tahun mengalami sakit air lebihan didalam kepala), Sjn U Mohd Nazirul Haq bin Burhanudin (Anak berumur 4 Tahun mengalami sakit lumpuh dari paras pinggang ke bawah) dan Kpl U Mohd Firdaus bin Osman (Anak berumur 3 Tahun mengalami sakit jantung).



